



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------|----|
| - Penuhi aspirasi rakyat | 33 |
|--------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - PBT wajib lantik 30 peratus ahli majlis wanita – Zuraida | 03 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penuhi aspirasi rakyat
Muka Surat	33

SINAR HARIAN • RABU 4 JULAI 2018

33

AMPANG. HULU LANGAT

(+) HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL - 019 3371003 / 019 6680275

Penuhi aspirasi rakyat

Barisan menteri, timbalan menteri gabungan terbaik

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berpuas hati dengan sebarisan menteri dan timbalan menteri baru yang dianggap dapat memenuhi aspirasi rakyat.

Mohamed Azmin berkata, kerajaan kini mempunyai banyak kerja yang harus dilakukan demi rakyat

selepas berjaya menawan tampuk pemerintahan pada PRU14.

"Komposisi barisan kepimpinan menteri dan timbalan menteri baharu ini adalah gabungan terbaik antara pemimpin berpengalaman dan mudah secara tidak langsung dapat memenuhi aspirasi rakyat," katanya pada sidang media pada Majlis Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di sini, semalam.

Seramai 13 menteri dan 23 timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V di Istana Negara, kelmarin.

Upacara itu menjadikan jumlah keseluruhan menteri Kabinet kepada 26 orang di bawah pentadbiran Perdana Menteri yang baharu.

Sebelum ini, seramai 13 menteri Kabinet sudah mengangkat sumpah pada 21 Mei lalu.

info



Mohamed Azmin bersalaman dengan tetamu yang hadir pada majlis Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Ampang, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT wajib lantik 30 peratus ahli majlis wanita – Zuraida
Muka Surat	03

PBT wajib lantik 30 peratus ahli majlis wanita – Zuraida

PUTRAJAYA 3 Julai - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diwajibkan melantik sekurang-kurangnya 30 peratus anggota majlis wanita, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, langkah itu adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdakan peranan wanita dalam kementerian dan PBT kerana pandangan golongan itu adalah pelengkap kepada undang-undang dan garis

panduan serta rancangan pembangunan.

Zuraida berkata, ketika ini purata penglibatan wanita sebagai anggota majlis PBT di seluruh negara ialah 14 peratus dengan negeri Selangor mempunyai peratusan tertinggi sebanyak 22 peratus.

"Ketika ini setiap PBT mempunyai 24 orang anggota majlis, jadi kalau 30 peratus,



ZURAIIDA

sekurang-kurangnya tujuh orang diwakili oleh wanita," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, syarat itu juga perlu dipenuhi oleh setiap PBT bagi mendapatkan taraf lima bintang dalam Sistem Penggredan (Star Rating) PBT (SSR-PBT).

Zuraida berkata, langkah itu juga adalah selaras dengan stan-

dard antarabangsa yang menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus anggota majlis tempatan wanita antaranya Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Ditanya sama ada kementerian menetapkan tempoh tertentu untuk PBT mencapai peratusan tersebut, Zuraida berkata ia bergantung kepada tempoh kontrak anggota majlis masing-masing.